

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMINAR KEHIDUPAN DAN PENGURUSAN ALAF BARU CUEPACS
DI PUTRA PALACE HOTEL, PERLIS
22 NOVEMBER 1999

Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia- nya, dapat kita berkumpul di dewan ini, untuk menjalankan upacara perasmian seminar saudara dan saudari pada pagi yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada presiden dan ahli majlis tertinggi cuepacs, kerana sudi menjemput saya untuk bersama tuan-tuan dan puan-puan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Cuepacs, serta memberikan penghormatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan seminar ini.

3. Sebenarnya saya telah bersetuju untuk menerima jemputan Cuepacs, bagi merasmikan seminar ini sebelum parlimen dibubarkan, dan tarikh pilihanraya belum ditetapkan pada waktu itu bagaimanapun selepas pilihanraya ditetapkan sudah tentu, saya sendiri begitu sebuk dalam menghadapi persiapan dan persediaan pilihanraya tetapi sebagaimana telah dijanjikan, saya tetap akan hadir kerana ini adalah peluang yang terbaik bagi saya, untuk bertemu secara lebih dekat dengan pemimpin-pemimpin tertinggi Cuepacs dan pemimpin-pemimpin kesatuan gabungan Cuepacs, dari seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak.

4. Bagi pihak Yab Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dan kerajaan, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada cuepacs, sebagai pusat kebangsaan bagi sektor awam di malaysia, yang telah sama-sama membantu kerajaan dalam menguruskan pentadbiran sector awam negara ini, terutama semasa kegawatan ekonomi pada awal tahun 1997 hingga sekarang ini yang beransur pulih* peranan dan sumbangan cuepacs amat besar sekali, kerana anggota- anggota gabungan cuepacs, menyedari dan memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai kakitangan kerajaan, yang sentiasa menjalankan tugas dengan baik dan berkesan ini dapat dibuktikan daripada hasil laporan nilai prestasi tahunan (Inpt), yang sentiasa meningkat dari tahun ke setahun selepas pelaksanaan sistem saraan baru (ssb) pada tahun 1992* ini juga saya percaya disebabkan kepimpinan Cuepacs mempunyai karisma yang tinggi dan bertanggungjawab. Walaupun dalam masa kegawatan ekonomi, yang mengakibatkan beberapa kemudahan dan elaun dipotong, sehingga ianya dipulihkan semula mulai bulan Ogos 1999 yang lalu, tidak ada tindakan drastik atau tekanan daripada pegawai dan ahli majlis tertinggi Cuepacs terhadap kerajaan* malahan Cuepacs dan anggota gabungan Cuepacs, telah dengan rela berkorban menyumbang sebanyak rm10.00 seorang daripada bayaran bonus 1997, dengan jumlah pungutan sebanyak RM 3 juta telah dimasukkan ke dalam dana kewangan kerajaan Cuepacs juga telah tidak membuat apa-apa tuntutan kerana memahami masalah yang dihadapi oleh negara pada tempoh tersebut saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Cuepacs atas peranan dan sikap yang murni ini adalah menjadi harapan yab perdana menteri dan kerajaan, sikap seperti ini hendaklah berterusan kerana negara ini adalah negara kita, dan kerajaan ini adalah kerajaan kita semua, sebagai rakyat Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kongres kesatuan pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam atau Cuepacs, adalah sebagai pusat kebangsaan bagi sektor awam (national center for public service), yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan, bagi mewakili anggota sektor awam, dalam membincangkan isu- isu mengenai gaji dan terma perkhidmatan anggota sektor awam dengan kerajaan pengiktirafan ini juga telah direktifikasi, dalam konvensyen no. 98, pertubuhan buruh antarabangsa (ilo) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland oleh itu adalah amat sesuai cara pendekatan dan perundingan, yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Cuepacs sekarang, dalam merundingkan isu-isu gaji, terma perkhidmatan dan bonus dengan pihak kerajaan bagi kepentingan seluruh anggota sektor awam malaysia dengan ini saya ingin menyeru supaya pendekatan seperti ini mesti diteruskan, kerana Cuepacs dan kerajaan tidak banyak perbezaannya, kerana anggota gabungan Cuepacs juga, adalah anggota sektor awam atau kakitangan kerajaan ianya mesti berganding bahu antara satu dengan lain, kerana kedua-duanya mempunyai matalamat yang sama, iaitu untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam, serta menjaga kebajikan dan kepentingan anggota sektor awam keseluruhannya termasuk polis, tentera dan penjara yang tidak boleh menubuh atau menganggotai kesatuan sekerja.

6. Kerajaan sendiri, khasnya Yab Perdana Menteri amat berpuashati dengan peranan yang dimainkan oleh Cuepacs, yang mewakili anggota sektor awam, dan juga anggota sektor awam sendiri yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik selama ini sebab itulah apabila cuepacs memohon bonus RM 1,000 atau sebulan gaji, kenaikan imbuhan tetap perumahan (itp) sebanyak rm 230.00 dan semakan gaji anggota sektor awam baru-baru ini, pihak kerajaan yang diputuskan oleh kabinet bersetuju memberi bonus rm1,000 atau sebulan gaji, kenaikan 50 peratus itp dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus mulai tahun 2000, dalam belanjawan negara 2000, yang dibentangkan oleh Y.B. menteri kewangan pertama pada 29 oktober 1999 yang lalu pemberian ini adalah bertujuan bagi menghargai peranan dan jasa-jasa yang telah dimainkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja dan anggota sektor awam sendiri, yang sama-sama menguruskan pentadbiran kerajaan dengan begitu baik sekali.

7. Memandangkan Parlimen telah dibubarkan sebelum belanjawan negara 2000 diluluskan, maka belanjawan tersebut belum boleh diterimapakai oleh kerajaan ianya perlu dibentangkan semula apabila kerajaan baru dibentuk selepas pilihanraya umum ke-10 pada 29 november 1999 nanti bagi kami iaitu kerajaan barisan nasional hari ini akan tetap menunaikan janji-janji kami dalam belanjawan tersebut, termasuk apa yang telah ditawarkan kepada kakitangan awam, iaitu bonus RM 1,000 atau sebulan gaji, kenaikan itp 50 peratus dan kenaikan gaji 10 peratus mulai tahun 2000, jika rakyat dan anggota sektor awam yang layak mengundi memberi mandat semula kepada kerajaan barisan nasional untuk memerintah dalam pilihanraya umum pada 29 November 1999 nanti saya percaya majoriti kakitangan awam akan menyokong kerajaan BN dalam pilihanraya nanti sukalah saya memberi penjelasan sebenar, ini bukannya tipu muslihat atau belanjawan yang tidak bertanggungjawab, seperti yang telah didakwa atau diperkatakan oleh pihak-pihak tertentu ini adalah prosidur biasa yang mesti dilakukan oleh mana-mana kerajaan, apabila parlimen dibubarkan sebelum belanjawan diluluskan, mesti dibentang semula untuk diluluskan oleh parlimen dan dewan negara selepas semua proses ini dilaksanakan barulah belanjawan tersebut akan berkuatkuasa dan dilaksanakan mengikut program atau perancangan yang ditetapkan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak

terkeliru dengan keadaan ini.

8. Kerajaan di bawah kepimpinan Yab Perdana Menteri akan sentiasa menentukan, kakitangan awam sentiasa diberi pembelaan, apatah lagi adanya hubungan yang begitu baik di antara Cuepacs dan kerajaan selama ini semua perkara dan pemasalahan anggota sektor awam, dapat dibincangkan oleh Cuepacs dengan jabatan perkhidmatan awam (jpd), melalui saluran mesyuarat- mesyuarat majlis bersama kebangsaan (mbk), malah boleh bertemu dan berbincang dengan Yab Perdana Menteri, dengan saya sendiri, Y.B. Menteri Kewangan dan Y.B. Menteri Sumber Manusia keadaan begini besar kemungkinan tidak berlaku di lain-lain negara ini juga adalah selaras dengan konsep 'perhubungan majikan/pekerja'. 'Rakan kongsi bistari/smart-partnership' dan 'participative management', yang sentiasa diamal dan digalakkan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yab Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita semenjak beberapa tahun yang lalu kita seharusnya berbangga dengan keadaan ini, kerana ianya merupakan satu keistimewaan kepada anggota-anggota sektor awam di malaysia saya percaya dan penuh yakin tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin cuepacs, pemimpin kesatuan gabungan dan anggota sektor awam dapat menilai secara rasional atas isu-isu yang saya sebutkan tadi sebagai kakitangan awam tuan-tuan dan puan-puan tidak terikat atau menyokong mana-mana parti politik, terutama semasa menghadapi pilihanraya ini akan tetapi kita perlu fikir pendirian kita dan keluarga kita, semasa hari mengundi pada 29 november 1999 ini, berdasarkan rekod-rekod kerajaan barisan nasional selama ini, yang sentiasa tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada kakitangan awam dan rakyat malaysia secara keseluruhannya saya menyambut baik kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin cuepacs ketika ini dalam akhbar-akhbar dan media elektronik, yang menunjukkan mereka adalah seiringan dengan pendirian kerajaan di bawah kepimpinan Yab Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Beberapa bulan yang lalu, Cuepacs telah mengemukakan memorendum, mengenai cadangan supaya umur persaraan anggota sektor awam dilanjutkan kepada genap 58 tahun secara opsyenal saya difahamkan antara alasan-alasan atau rasionalnya cadangan ini adalah seperti berikut: -

i. Tahap kesihatan rakyat Malaysia telah meningkat atas usaha-usaha kerajaan dengan jangkahayat lelaki 71 tahun dan wanita 73 tahun;

ii. Umur persaraan wajib sekarang pada hari pertama umur 55 tahun yang dianggap masih muda dan bertenaga untuk meneruskan perkhidmatan dalam sektor awam;

iii. Ramai kakitangan awam yang ingin meneruskan perkhidmatan dalam kerajaan dan jika terus dibesarkan akan merugikan dari segi pengalaman, kemahiran dan dedikasi mereka yang terlibat;

iv. Tidak menjejaskan peluang-peluang pekerjaan bagi pelajar dan penuntut lepasan sekolah dan universiti, kerana masih terdapat banyak peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta dan di sektor awam akibat kenaikan pangkat, kematian dan yang ingin bersara wajib pada usia 55 tahun.

10. Pada tahap ini kerajaan telah menerima laporan dan perakuan jabatan perkhidmatan awam (jpa) perkara ini sedang dikaji secara serius oleh kerajaan,

khasnya jawatankuasa kabinet mengenai gaji sektor awam pada dasarnya alasan-alasan yang dikemukakan oleh cuepacs, ada rasionalnya dan sebab itulah kerajaan sedang membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu keputusan dibuat. Saya percaya Yab Perdana Menteri akan membuat keputusan segera, mengenai perkara ini selepas semua kajian selesai namun bagitu keputusan yang bakal dibuat oleh kerajaan, tidak ada sebarang kaitan dengan cadangan atau manifesto parti barisan alternatif, yang mencadangkan umur bersara wajib kepada 60 tahun pada hemat saya cadangan yang dibuat oleh Cuepacs, sejak beberapa bulan yang lalu kepada kerajaan adalah lebih rasional, kerana ianya dibuat secara opsyenal dan tertakluk kepada beberapa syarat tertentu, bagi menentukan mereka yang benar-benar layak saja dilanjutkan umur persaraan kepada genap 58 tahun saya berharap tuan- tuan dan puan-puan bersabar menunggu keputusan yang bekal diputuskan oleh kerajaan kelak.

11. Pada hari ini saya telah diberi maklum bahawa, saya diminta melancarkan 'laman web Cuepacs' dan 'skim kesihatan perubatan / Cuepacs care' sebentar lagi saya rasa dengan pelancaran 'laman web Cuepacs' nanti, bererti cuepacs telah mempunyai 'laman web' sendiri, dan ini akan memudahkan perhubungan atau komunikasi antara ahli dan kesatuan gabungan dengan Cuepacs, dan di antara Cuepacs dengan kerajaan, khasnya jabatan perkhidmatan awam (jpa) tindakan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan yang menggalakkan penggunaan I.T bagi semua pihak, termasuk juga kesatuan-kesatuan sekerja. Ini juga pada pandangan saya, menunjukkan pemimpin- pemimpin cuepacs, sentiasa mengikuti arus perkembangan semasa, selaras dengan konsep 'kerajaan elektronik' atau 'electronics government' yang diperkenalkan oleh kerajaan.

12. Saya mengucapkan terima kasih kepada Cuepacs, kerana dalam cadangan melanjutkan umur persaraan kepada genap 58 tahun, telah dengan jelas menyatakan usaha-usaha kerajaan, untuk meningkatkan tahap kesihatan penduduk atau rakyat malaysia telah begitu berjaya, sehingga kaum lelaki jangkahayatnya menjangkau ke 71 tahun dan wanita 73 tahun. Ini satu bukti menunjukkan usaha-usaha kerajaan, telah berjaya dan hasilnya dinikmati oleh seluruh rakyat malaysia tanpa mengira kaum. Kemudahan-kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan di hospital-hospital, dan klinik-klinik telah dipertingkatkan dari masa kesemasa. Malah dalam belanjawan negara baru-baru ini peruntukan untuk membaiki tahap kesihatan rakyat begitu besar. Ini tentu sekali ada kaitannya tindakan kerajaan tidak menswastakan hospital- hospital kerajaan demi untuk kemudahan dan kesenangan rakyat untuk mendapatkan rawatan perubatan, kerajaan bersedia berkorban untuk rakyat termasuk kepada kakitangan awam, terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, dengan mengambil tindakan membatalkan cadangan untuk menswastakan hospital-hospital kerajaan baru-baru ini.

13. Walau bagaimanapun rakyat diberi pilihan, samada untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan, atau di hospital swasta yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat swasta. Jika kita ingin mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta, sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang agak besar, tetapi bagi mereka yang mampu patutlah berbuat demikian, bagi memberi peluang kepada rakyat yang kurang mampu mendapat rawatan di hospital kerajaan. Dalam konteks ini saya mengalu-alukan langkah Cuepacs, mengadakan usahasama dengan syarikat Ami Insurance Berhad untuk mengwujudkan 'skim kesihatan/perubatan Cuepacs care', yang akan dilancarkan hari ini untuk ahli-ahli kesatuan gabungan Cuepacs di seluruh negara. Dengan adanya skim ini kelak, akan memudahkan ahli-ahli kesatuan gabungan cuepacs, yang juga kakitangan awam, untuk mendapatkan rawatan perubatan yang dibiayai melalui skim ini dimana-mana hospital dengan cepat dan

berkesan. Pada saya usaha ini bukan saja untuk kebaikan ahli-ahli kesatuan gabungan Cuepacs, tetapi juga membantu meringankan bebanan kerajaan memberi bantuan dan kemudahan perubatan kepada rakyat jelata. Saya menyatakan demikian kerana apabila kakitangan awam yang menyertai skim ini, akan mendapatkan kemudahan di hospital swasta melalui kemudahan skim Cuepacs care, maka tempat mereka dapat diberikan kepada rakyat yang kurang mampu dan berpendapatan rendah.

14. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepad Cuepacs, kerana mempunyai pandangan jauh untuk ahli-ahli Cuepacs. Saya berharap semua ahli-ahli cuepacs hendaklah merebut peluang ini kerana ianya banyak memberi kebaikan kepada tuan-tuan dan puan- puan walaupun terpaksa berbelanja lebih sedikit, tetapi faedahnya begitu ketara sekali. Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada syarikat Ami Insurance Berhad, khasnya kepada Y.Bhg. Dato' Abd. Rahman Maidin, pengerusi eksekutif MRCB yang menaja dan mengwujudkan skim ini bersama Cuepacs.

15. Program seminar ini, yang dianjurkan secara bersama antara Cuepacs dan jabatan perkhidmatana awam (jpa), adalah amat sesuai sekali terutama dalam persiapan Cuepacs, dan pemimpin-pemimpin kesatuan gabungan ke alaf baru, tahun 2000 yang akan tiba tidak berapa hari lagi dari apa yang saya lihat pihak jpa, Cuepacs, mbk dan kesatuan gabungan telah banyak menganjurkan seminar secara bersama. Ini adalah satu perubahan yang amat menggalakkan, dari segi konsep perkongsian bijak antara jpa dan Cuepacs. Malah bagi pihak kerajaan saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha murni ini dan hendaklah diteruskan.

16. Kepada pemimpin-pemimpin yang mengikuti kursus ini, hendaklah memberikan tumpuan sepenuhnya, dengan harapan apabila balik ke tempat masing-masing hendaklah mempraktikkan apa yang dipelajari, bukan sahaja untuk memantapkan pengurusan kesatuan masing- masing menjelang alaf baru, tetapi juga dipraktikkan di jabatan dan agensi masing-masing bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing- masing. Hasilnya nanti bukan saja akan dapat dinikmati oleh ahli-ahli cuepacs, tetapi juga oleh rakyat keseluruhannya apabila produktiviti dan kualiti perkhidmatan jabatan dan agensi masing-masing dapat ditingkatkan yang akan memberikan kepuasan pelanggan masing-masing.

17. Baru-baru ini Cuepacs telah mengeluarkan 'manifesto Cuepacs ke alaf baru', yang saya rasakan sempena pilihanraya umum kali ini sebagai mesej atau komitmen cuepacs dalam memperjuangkan isu-isu dan kepentingan ahli-ahli Cuepacs dan kakitangan awam keseluruhannya. Yab Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku perdana menteri yang begitu perihatin terhadap masalah pekerja-pekerja di negara. Ini termasuk kakitangan awam akan mengambil maklum atas manifesto ini isu-isu yang dibangkitkan dalam manifesto ini boleh dibincangkan di antara Cuepacs dan kerajaan melalui saluran-saluran yang wujud sekarang. Bagi pihak kerajaan saya amat berbangga dengan salah satu perkara dalam manifesto tersebut, yang mengikrarkan taat setia kepada dymn seri paduka baginda yang dipertuan agung dan kerajaan yang memerintah. Ini menunjukkan pemimpin- pemimpin Cuepacs memahami peranan dan tanggungjawab mereka terhadap negara sendiri.

Terima kasih.